



KENYATAAN RASMI

MAKLUM BALAS TERHADAP ISU SAMAN DAN PENGUATKUASAAN DI KAMPUS

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Teknologi Malaysia memandang serius isu dan kebimbangan yang dibangkitkan oleh mahasiswa berhubung pelaksanaan sistem saman serta beberapa aspek penguatkuasaan peraturan di kampus.

MPP UTM mengambil maklum terhadap kenyataan-kenyataan yang telah dikeluarkan oleh gerakan mahasiswa berkaitan perkara ini. Kami percaya bahawa setiap suara mahasiswa yang menyentuh soal kebajikan, kesejahteraan dan hak mahasiswa tidak boleh dipandang ringan. MPP UTM menghargai setiap pandangan, kebimbangan dan maklum balas yang disuarakan oleh mahasiswa serta memahami bahawa isu yang dibangkitkan memberi kesan langsung terhadap pengalaman dan kehidupan mahasiswa sepanjang berada di kampus.

Sehubungan itu, MPP UTM akan membawa segala perkara yang dibangkitkan kepada pihak pengurusan dan saluran berkaitan bagi memastikan suara mahasiswa dapat diberi perhatian secara telus dan berhemah. MPP UTM berpendirian bahawa sebarang pelaksanaan dasar atau tindakan penguatkuasaan perlu mengambil kira realiti kehidupan mahasiswa pada hari ini, khususnya dalam aspek kebajikan dan beban kos sara hidup.

Kami berharap agar setiap pandangan dan kebimbangan mahasiswa dapat diteliti serta diberi perhatian sewajarnya demi memastikan suasana kampus yang lebih kondusif, harmoni dan mesra mahasiswa. Sebagai wakil mahasiswa, MPP UTM akan terus komited menjadi suara yang membawa isu dan pandangan mahasiswa kepada pihak universiti secara profesional dan bertanggungjawab demi memastikan kebajikan serta kepentingan mahasiswa sentiasa terpelihara.

“TRANSFORMASI MAHASISWA”

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)
Universiti Teknologi Malaysia
Sesi 2025/2026

20 MEI 2026